

**KENYATAAN DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
25 JULAI 2023**

---

**1. PELANTIKAN PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN  
PROFESIONAL**

Dengan ini dimaklumkan bahawa Puan Nor Hapizah Binti Mat Yusof telah dilantik menjadi Pegawai Penilaian (Tetap) Gred W41 di Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, berkuatkuasa 3 Julai 2023. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Hartanah di Universiti Teknologi Mara dan berpengalaman sebagai Penolong Pegawai Penilaian (Gred W29) di Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Cik Nur Saffrina Binti Rofiee berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah dari Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) telah dilantik menjadi Pegawai Perancang Bandar dan Desa (Tetap) Gred J41 berkuatkuasa 3 Julai 2023 dan ditempatkan di Jabatan Perancang Bandar dan berpengalaman sebagai Eksekutif Pengurusan Harta di Kulim *Technology Park Corporation.*

Ucapan setinggi-tinggi tahniah dan diharapkan dapat menjalankan amanah dengan sebaik - baiknya.

## **2. MAJLIS MENANDATANGANI MOU BERSAMA PIHAK PERSATUAN ARKITEK MALAYSIA (PAM) SERTA PELANCARAN PERTANDINGAN REKABENTUK PASAR AWAM BUKIT MERTAJAM**

MBSP akan melancarkan pertandingan rekabentuk Pasar Awam Bukit Mertajam pada 4 Ogos 2023. Pertandingan peringkat Kebangsaan ini anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dengan kerjasama PAM NC sebagai urusetia melalui pemeterai suatu ***Memorandum of Agreement (MOA)*** di antara kedua pihak. Pertandingan ini terbuka kepada semua ahli korporat PAM / LAM yang bertauliah.

Matlamat pertandingan ini adalah bagi mencari idea rekabentuk yang sesuai untuk menjadikan Pasar Awam Bukit Bertajam lebih berdaya saing dan dapat menampung keperluan semasa. Kerja naiktaraf pasar ini juga akan meningkatkan kemudahan infrastruktur bagi menyokong pembangunan semula Pasar Awam yang akan menghidupkan semula bandar Bukit Mertajam.

Pendaftaran kepada peserta pertandingan akan mula dibuka pada 7 Ogos 2023.

Hadiah Pertandingan berupakan wang tunai seperti berikut :-

- a. Tempat Pertama : RM 35,000.00
- b. Tempat Kedua : RM 25,000.00
- c. Tempat ketiga : RM 15,000.00
- d. Saguhati : RM14,000.00

(RM2,000.00 setiap peserta untuk 7 orang peserta).

Pemenang tempat pertama, kedua dan ketiga akan diberi peluang untuk mengemukakan sebutharga untuk pelantikan sebagai Pakar Runding projek tersebut. Pertandingan ini akan di nilai oleh Juri Profesional (90%) dan Juri Awam (10%). Dimana 10 rekabentuk terbaik akan akan di panggil untuk pembentangan.

### **3. BIL SERTA PROMOSI BAYARAN CUKAI TAKSIRAN PENGGAL KEDUA 2023**

Dimaklumkan bahawa bil cukai taksiran penggal kedua 2023 telah dihantar kepada semua pemilik premis di seluruh Seberang Perai secara berperingkat melalui SMS, e-mel atau serahan fizikal

bermula penghujung Jun 2023 yang lalu. Pemilik premis adalah dinasihatkan supaya membuat pembayaran selewat-lewatnya 31 Ogos 2023.

Pembayaran bil cukai taksiran penggal kedua 2023 ini juga selari dengan program promosi "**JOM BAYAR CUKAI TAKSIRAN MBSP PENGGAL 2/2023 SERTA PROMOSI KHAS TAJAAN ASPIRE SEBERANG PERAI**" yang telah bermula pada 1 Julai 2023 dan bakal tamat pada 31 Ogos 2023.

Promosi ini menawarkan hadiah cabutan bertuah yang lumayan kepada warga Seberang Perai yang menjelaskan cukai taksiran berserta tunggakan jika ada dalam tempoh yang ditetapkan dengan menggunakan mana-mana platform saluran pembayaran secara dalam talian (*online*) atau melalui kiosk serta agensi kutipan yang telah dilantik oleh MBSP. Promosi kali ini juga turut dimeriahkan lagi dengan hadiah khas cabutan berganda tajaan ASPIRE Seberang Perai bagi pembayaran yang dibuat sepenuhnya melalui platform ASPIRE Seberang Perai. Berikut adalah senarai hadiah cabutan bertuah yang ditawarkan:

## **KATEGORI 1 : HADIAH UTAMA TAJAAN MBSP**

Hadiyah yang ditawarkan adalah seperti berikut:

| <b>Kedudukan Hadiah</b> | <b>Jenis Hadiah</b> |
|-------------------------|---------------------|
| Tempat Pertama          | Wang Tunai RM5,555  |
| Tempat Ke- 2            | Wang Tunai RM3,000  |
| Tempat Ke- 3            | Wang Tunai RM2,000  |
| Tempat Ke- 4            | Wang Tunai RM1,000  |
| Tempat Ke- 5            | Wang Tunai RM500    |

## **KATEGORI 2: HADIAH TAJAAN ASPIRE SEBERANG PERAI**

Hadiyah yang ditawarkan adalah seperti berikut:

| <b>Kedudukan Hadiah</b> | <b>Jenis Hadiah</b>                |
|-------------------------|------------------------------------|
| Tempat Pertama          | LEM Folding Bike (RM1,300)         |
| Tempat Ke- 2            | LEM e-BIKE with Paddle<br>(RM1299) |
| Tempat Ke- 3            | Electric Scooter (RM1,099)         |

Cabutan nama pemenang yang bertuah akan ditentukan pada bulan September 2023 nanti. Pemilik premis juga disarankan supaya memuat turun aplikasi **ASPIRE Seberang Perai** untuk memudahkan urusan semakan bil cukai taksiran terkini secara digital dan terus membuat bayaran melalui aplikasi berkenaan.

Ayuh, jangan berlengah lagi. Tarikh akhir bayaran adalah pada 31 Ogos 2023. Tertakluk kepada terma dan syarat. Maklumat lanjut berkaitan promosi, sila layari laman web MBSP di <https://www.mbsp.gov.my> atau hubungi talian helpdesk cukai taksiran di **04-5497470/ 471/ 697/ 696** atau e-mel di waran@mbsp.gov.my

#### **4. TINDAKAN PENGUATKUASAAN KE ATAS PREMIS YANG DIKENDALIKAN / MENGGAJI WARGA ASING YANG DIAMBIL TINDAKAN OLEH MBSP**

Pada 24 Julai 2023, satu operasi pemeriksaan premis telah dijalankan di Taman Pelangi, Perai melibatkan 17 premis. Dalam pemeriksaan tersebut, sebanyak 13 notis kesalahan dan 10 kompaun telah dikeluarkan melibatkan kesalahan beroperasi tanpa lesen yang sah daripada MBSP dan menggaji warga asing.

MBSP sebelum ini juga telah menjalankan tindakan penguatkuasaan di Taman Pelangi, Perai pada 12 April 2023 melibatkan pengeluaran 3 notis kesalahan dan 1 kompaun dan pada 21 Mei 2023 dengan mengeluarkan 1 notis kesalahan ke atas 1 premis.

Untuk makluman sepanjang tempoh Januari 2023 hingga Jun 2023, MBSP telah menjalankan sebanyak 76 pemeriksaan premis yang disyaki menggajikan warga asing. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 60 notis kesalahan dan 22 kompaun telah dikeluarkan. MBSP juga telah menjalankan rampasan/ sitaan ke atas 5 premis dan menutup 18 buah premis. Manakala sepanjang tahun 2021 sehingga 2023, sebanyak 227 buah premis yang telah diambil tindakan penguatkuasaan dan jumlah pembatalan lesen sebanyak 22 lesen. MBSP juga merupakan salah satu Pihak Berkuasa Tempatan yang aktif dan komited dalam menjalankan tindakan penguatkuasaan di premis-premis yang terdapat warga asing.

MBSP akan terus memantau dan mengambil tindakan penguatkuasaan secara berkala dari semasa ke semasa supaya isu ini dapat diselesaikan dan pemilik premis dapat mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan oleh MBSP. MBSP juga turut mengucapkan ribuan terima kasih ke atas perkara yang ditular yang turut membantu kepada tindakan penguatkuasaan warga asing, namun orang awam yang menularkan sesuatu perkara harus bertanggungjawab dengan tidak membuat pelbagai tuduhan tidak berasas kepada pihak MBSP. MBSP sedang

meneliti dari segi tindakan undang-undang terhadap tuduhan-tuduhan yang di buat.

## **5. *OPERATION : CROW SHARPSHOOTER (OPS CROSS) MBSP***

**2023**

Sebagai salah satu strategi di bawah Pelan Tindakan Kawalan Kacau Ganggu Burung Gagak (PETEGAK) MBSP, operasi tembak gagak atau OPS CroSS MBSP, telah dijalankan sebanyak empat (4) kali pada tahun ini. OPS CroSS Edisi Mini (Invitational) telah diadakan sebanyak dua (2) kali, manakala edisi Mega (Open) telah turut dilaksanakan sebanyak 2 kali di SPT dan SPU.

Terkini, OPS CroSS Mega SPU yang melibatkan 78 orang penembak berlesen seluruh negara telah dijalankan pada 15 Julai 2023 dengan prestasi tembakan sebanyak 4,020 ekor gagak. Secara keseluruhannya, jumlah gagak yg telah berjaya dilupuskan untuk 2023 di Seberang Perai telah mencecah 13,337 ekor gagak.

OPS Cross Mega yang terakhir akan diteruskan di Daerah Seberang Perai Selatan pada 19 Ogos 2023.

Semoga usaha ini dapat mengurangkan populasi burung gagak yang terlalu banyak di Seberang Perai sehingga menyebabkan kacau ganggu kepada penduduk.

## **6. SAMBUTAN HARI WARISAN SEBERANG PERAI 2023**

Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan kerjasama Kampung Agong akan menganjurkan Sambutan Hari Warisan Seberang Perai 2023 pada 5 dan 6 Ogos 2023 (Sabtu dan Ahad) bertempat di Kampung Agong, Penaga, Seberang Perai Utara. Program yang julung kalinya diadakan di Seberang Perai ini akan bermula pada pukul 9.00 pagi sehingga 6.00 petang. Hari Warisan Seberang Perai merupakan kolaborasi program bersama *stakeholders* dalam memperkasakan *tangible & intangible tourism product* di Seberang Perai.

Program ini mengetengahkan konsep mesra keluarga dan masyarakat serta aktiviti sihat sebagai salah satu pengisian program. Pelbagai aktiviti menarik bakal dibawakan kepada warga Seberang Perai antaranya adalah pertandingan permainan traditional seperti tuju kasut, pukul bantal, tarik tali, kukur kelapa, lari dalam guni, congkak, guli, tangkap ikan dan sebagainya.

Selain itu juga, akan diadakan majlis kenduri rakyat bagi meraikan dan menghargai integrasi kaum serta pelbagai lapisan masyarakat bersama MBSP dalam menjalinkan hubungan yang harmoni.

## **7. SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN YANG KE-66**

Tema “Malaysia MADANI : Tekad Perpaduan Penuhi Harapan” dipilih sebagai tema Hari Kemerdekaan pada tahun ini, selari dengan harapan agar semua rakyat Malaysia semarakkan rasa cinta negara dengan turut serta dalam program yang telah disusun atur sepanjang bulan kebangsaan tahun ini.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan yang Ke-66 pada 31 Ogos 2023 (Khamis) kepada seluruh warga Seberang Perai dan Negeri Pulau Pinang. Hari tersebut merupakan hari kelepasan am.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**